A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.





# Sekolah ugama berharga $15,000 di-Sg. Merab siap bulan hadapan

Berita Harian, 28 July 1962, Page 8



## Sekolah ugama berharga $15,000 di-Sg. Merab siap bulan hadapan

KAJANG

SA-BUAH sekolah ugama yang di-jangka akan menelan perbelanjaan sa-besar $15,000 apabila siap kelak sedang dalam pembenaan di-Kampong Sungi Merab, Kajang di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar daerah Kajang.

Pengerusi Jawatankuasa Kampong Sungai Merab, Inche' Mohd. Yunos bin Mihad memberitahu Berita Harian bahawa sekolah ugama itu di-bena ia-lah untok menyenangkan ibu bapa di-kampong tersebut yang selama ini menghantar anak2 mereka bersekolah ugama sa-jauh 9 batu di-pekan Kajang.

Inche' Yunos juga menerangkan bahawa dengan ada-nya sekolah ugama itu "dapat-lah ibu bapa di-kampong ini meringankan perbelanjaan mereka yang membayar wang tambang sa-banyak $12 sa-bulan untok anak2 mereka."

Menurut beliau, sekolah ugama yang baharu itu di-bena dengan usaha Menteri Besar Selangor, Dato' Abu Bakar Baginda sa-laku wakil ra'ayat daerah itu.

Sekolah ugama itu di-jangka akan siap pada pertengahan bulan August depan.

Satu upachara untok membuka dengan rasmi-nya sekolah itu akan di-adakan sa-chara besar2an pada awal bulan September oleh Menteri Besar Selangor.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31